

# KERATAN AKHBAR

ORIENTAL DAILY NEWS

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: A39

## KERJA PEMBERSIHAN TIDAK DIURUS DENGAN BAIK KAWASAN JONKER WALK DIPENUHI DENGAN SAMPAH

[MELAKA] Tuan Low Chee Leong, ADUN Kota Laksamana dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Kubu (MPKKK) telah menerima banyak aduan masalah kebersihan di sekitar Jonker Walk. MPKKK telah membuat pemeriksaan mengejut di kawasan Jonker Walk dan ia mendapati kawasan tersebut penuh dengan sampah-sarap sehingga air kotor bertakung. Beliau berkata pada 10 Mac 2019 yang lepas, Setiausaha Negeri Melaka pernah mengetuai 60 orang pegawai membuat aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan tersebut. Selepas aktiviti tersebut dilakukan, masalah sampah-sarap berlaku lagi. Oleh itu, beliau pernah memaklumkan perkara ini kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBBB) dan berharap MBBB berjanji akan mengadakan sesi pertemuan dengan ahli Jawatankuasa Jonker Walk bagi membincangkan cara pengurusan sampah-sarap dan pembersihan longkang.